

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 (23)



SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 4 TAHUN 2023

PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU) : BAHAGIAN PENGURUSAN PEROLEHAN UNIVERSITI (PU)

Pejabat Bendahari

23 Februari 2023

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 (23)

23 Februari 2023

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 4/2023

PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENERBITAN ARTIKEL/JURNAL/PROSIDING DARIPADA PERSIDANGAN MENGGUNAKAN SUMBER DALAMAN

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bagi memaklumkan tentang Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) : Bahagian Pengurusan Perolehan Universiti (PU) pada Bab R – Perolehan Menggunakan Sumber Dalaman Universiti Yang Dikecualikan Daripada Tatacara Perolehan Universiti Bagi Perolehan Perkhidmatan Penerbitan Artikel/Jurnal/Prosiding Daripada Persidangan Menggunakan Sumber Dalaman.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 6/2019 yang telah bersidang pada 18 Disember 2019 telah meluluskan Bab Q – Perolehan Menggunakan Sumber Dalaman Universiti, Pengurusan Perolehan Universiti (PU), Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU).
- 2.2 Merujuk kepada Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU), Bahagian Pengurusan Perolehan (PU), Bab Q, sebarang pengecualian ke atas peraturan perolehan menggunakan sumber dalaman hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) terlebih dahulu melalui perakuan Lembaga Perolehan (LP) Universiti.

2.3 Justifikasi cadangan pindaan tatacara dan Pihak Berkuasa Melulus oleh PTj adalah seperti berikut:

2.3.1 Penerbitan Artikel/Jurnal/Prosiding adalah di serata dunia.

Kebiasaannya penerbitan Artikel/Jurnal/Prosiding adalah di serata dunia dengan melibatkan beberapa penerbit bagi melancarkan urusan penerbitan Artikel/Jurnal/Prosiding tersebut. Dengan pembelian terus, proses penerbitan akan menjadi lebih mudah tanpa mengabaikan peraturan Universiti.

2.3.2 Penjimatan kewangan Universiti

Penerbit luar yang membida sebut harga di UTeM perlu menggunakan agen sebagai wakil berikutan tiada Sijil Pendaftaran Syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Kos lantikan ini secara tidak langsung diserap oleh UTeM apabila penerbit memasukkan kos berkenaan di dalam harga bidaan. Ini akan merugikan UTeM.

2.3.3 Persidangan akan menerbitkan Artikel/Jurnal/Prosiding menggunakan penerbit melebihi daripada satu (1) penerbit.

Penerbitan artikel/jurnal/prosiding persidangan kebiasaannya akan melibatkan lebih daripada satu penerbit. Ini adalah kerana Artikel/Jurnal/Prosiding persidangan akan diterbitkan di pelbagai jurnal seluruh dunia mengikut bidang dan juga mengikut penerbit yang berkualiti sesuatu Artikel/Jurnal/Prosiding. Oleh itu, pemilihan penerbit yang betul perlu dilihat dengan teliti.

2.3.4 Menggalakkan dan meningkatkan penerbitan Artikel/Jurnal/Prosiding di UTeM.

Persidangan yang dianjurkan oleh UTeM merupakan salah satu platform untuk penyelidik UTeM membentang dan menerbitkan

Artikel/Jurnal/Prosiding di jurnal. Ini secara tidak langsung akan menggalakkan aktiviti penerbitan di UTeM.

- 2.4 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 5/2022 pada 4 November 2022 telah meluluskan Cadangan Perolehan Perkhidmatan Penerbitan Artikel/Jurnal/Prosiding Daripada Persidangan Menggunakan Sumber Dalaman.

3.0 PINDAAN

- 3.1 Peraturan di bawah Bahagian Pengurusan Perolehan Universiti (PU) adalah seperti berikut :

BAB R – PEROLEHAN MENGGUNAKAN SUMBER DALAMAN UNIVERSITI YANG DIKECUALIKAN DARIPADA TATACARA PEROLEHAN UNIVERSITI

- 3.2 Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang lengkap boleh dicapai di laman sesawang Pejabat Bendahari iaitu <https://pkpu.utem.edu.my/index.php/3-0-bahagian-pengurusan-perolehan-universiti> .

4.0 PEMAKAIAN

Surat Pekeliling Kewangan ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh Surat Pekeliling dikeluarkan sehingga suatu tarikh baharu yang akan ditentukan berdasarkan pengumuman Kerajaan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

FARA/Surat Pekeliling Kewangan/2023